



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 49

14hb September 2006

No. 19

---

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 49.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mhd. Noor bin L. Daud, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 7 Disember 2006 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM45,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Lima Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM90,107.42. Nama pemegang gadaian—Affin Bank Bhd.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

96

[14hb Sept. 2006]

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM4,500.00 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Lima Ratus Sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 5 April 2007 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Perlis. No. Lot/Petak/P.T.—PT 1764. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 826. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 599/2004 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 30 Jun 2006  
[PTG(Ps.)(R) 1/80F 1529(19)]

MHD. NOOR BIN L. DAUD  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*Perlis*

**PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM  
(KELAKUAN DAN TATATERTIB)  
NEGERI PERLIS**

**No. 50.****PEMBERITAHUAN DI BAWAH PERATURAN 29**

Pegawai di bawah ini telah tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah dari tarikh yang dinyatakan. Surat telah dikeluarkan kepada anggota bagi memberi penjelasan mengapa tidak hadir bertugas dan mengarahkan supaya melapor diri untuk bertugas tetapi sehingga sekarang anggota tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan hingga sekarang. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa sekiranya pegawai di Bil. (1) itu masih tidak kembali bertugas dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam *Warta*, dia hendaklah disifatkan telah dibuang kerja mulai dari tarikh tidak hadir bertugas.

Bil.	Nama/No. Kad Pengenalan/ No. Fail	Jawatan dan Tempat Kerja	Tarikh Mula Tidak Hadir Bertugas
1.	Roslan bin Abd. Ghani (K/P 6383425)	Pekerja Rendah Awam Gred R 1 Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis	1-10-2002
			4-10-2002 hingga 31-10-2002
			1-11-2002
			8-11-2002 hingga 25-10-2002
			1-12-2002 hingga sekarang

Bertarikh 10 Ogos 2006  
[SUK.(Ps.) SULIT 1640 SK. 3 Jld. 5]

ZAMILA BINTI HASHIM  
*Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)*  
*b.p. Setiausaha Kerajaan*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA